



Tokoh Wartawan Negara 2011

# Baik Buruk Ekonomi Monetari

**H**ari ini, di mana-mana pun kita pergi atau berada di negara kita, orang akan bercakap tentang kenaikan harga barang dan kadar tukaran mata wang.

Harga akan sentiasa naik kerana itulah cara setuhla jadi ekonomi yang berasaskan mata wang. Cuma sejak beberapa tahun kebelakangan ini kadar peningkatannya agak luar biasa. Kita sudah mendengar atau membaca cerita harga ikan kembung mencecah RM20 sekilogram dan kangkung RM7 sekilogram.

Kalau sepuluh tahun lalu, ikan kembung dianggap sumber protein utama golongan berpendapatan rendah dan sederhana, hari ini, dengan harga sentiasa melebihi RM10 sekilogram, hal itu tidak lagi termampu oleh sebilangan besar kelompok ini.

Hal ini membawa balik ingatan saya kepada dua perkara yang berbeza tetapi saling kait mengait dalam kehidupan manusia. Pertama, alam sekitar yang semakin miskin dan kedua peranan mata wang dalam ekonomi.

Ketika saya kanak-kanak pada tahun 1950-an dan 1960-an, majoriti kita miskin dari segi kewangan. Kita tidak mempunyai wang yang banyak, tetapi kita jarang kekurangan makanan. Banyak bahan makanan didapati di sekeliling atau berdekatan rumah.


Ikan dan udang dari sungai, paya dan sawah. Tumbuh-tumbuhan seperti bayam, kangkung, pucuk paku, keladi, jerangau dan ubi kayu tumbuh meliar.

Saya ingat lagi bahawa saya memancing, menyerkap, menjala dan menahan bubu-bubu (lukah) sepanjang masa sehingga melebihi keperluan keluarga. Apa-apa yang tidak habis dimakan segar dikeringkan atau dibuat pekasam.

Ayam, itik, lembu dan kambing dipelihara untuk mendapatkan susu, daging dan telur. Mana yang tidak habis dimakan akan dijual untuk mendapatkan wang tunai. Beras tidak perlu dibeli kerana kami menanam sendiri padi yang sebahagiannya disimpan untuk dimakan. Hasil tuaian tidak dijual sekali gus kerana disimpan dalam jelapang dan dijual apabila wang tunai diperlukan.

Oleh sebab banyak barang makanan dan keperluan harian dihasilkan sendirian, maka penggunaan wang tunai agak terhad. Disebabkan itu kita tidak peduli sangat naik dan turun nilai wang.

Malah, sepanjang ingatan saya, kita tidak pernah mengalami kenaikan harga yang mendadak. Jadi kita tidak tahu atau tidak peduli tentang inflasi, kemerosotan nilai mata wang dan kadar tukarannya. Paling tidak pun kami dilibatkan dengan masalah berkaitan mata wang adalah pada tahun 1967 apabila nilai ringgit Malaya



menurun berbanding ringgit Malaysia dan pound sterling Inggeris.

Pada masa itu, kita menggunakan dua mata wang serentak, iaitu duit lama ringgit Malaya dan duit baharu ringgit Malaysia. Kedua-dua mata wang itu dipaut kepada pound sterling pada kadar 8.57 ringgit bagi setiap satu pound sterling.

Lima bulan selepas duit baharu ringgit Malaysia diperkenalkan, Kerajaan British menilai semula mata wang pound sterling dengan menurunkan kadar tukarannya sebanyak 14.3 peratus berbanding dolar Amerika bagi memperbaiki daya saing ekonomi Inggeris.

Malaysia mengikut jejak Kerajaan British itu dengan menurunkan kadar tukaran ringgit Malaya sebanyak 15 peratus berbanding pound sterling dan ringgit Malaysia. Ini ialah cara kerajaan untuk menggalakkan penggunaan ringgit Malaysia dan mengurangkan peranan ringgit Malaya.

Keadaan ini menyebabkan orang ramai dan peniaga yang memegang ringgit Malaya mengalami kerugian besar. Ringgit Malaya masih digunakan secara meluas, khususnya di Pulau Pinang yang pada masa itu berstatus pelabuhan bebas.

Pada 24 November berlaku rusuhan di Pulau Pinang kerana membantah penurunan nilai ringgit Malaya itu. Keadaan itu dikenali sebagai hartal apabila peniaga menutup kedai sebagai tanda bantahan. Hartal ialah istilah selatan India yang membawa maksud menutup kedai dan pejabat sebagai tanda kesedihan atau bantahan.

Seramai 27 orang terbunuh dan 137 cedera apabila pemogok dan penunjuk perasaan yang diketuai oleh Parti Buruh menyerang pekedai yang enggan menyertai hartal dan pelanggan mereka.

Hari ini, inflasi menjadi masalah besar kepada orang ramai kerana ekonomi amat bergantung pada jual beli dan penggunaan wang sebagai perantara. Naik turun nilai mata wang, seperti yang sedang berlaku kepada ringgit Malaysia sekarang, dan naik turun bekalan barang-barang akan menjejaskan harga serta inflasi.

Serentak dengan itu, masyarakat kita menjadi semakin kejang akibat pengkhususan ekonomi. Hari ini ramai orang makan gaji dan tinggal dalam persekitaran yang menyebabkan mereka tidak boleh bercucuk tanam untuk mengurangkan beban perbelanjaan. Oleh hal yang demikian, alam sekitar kita semakin tercemar dan kurang produktif. Di kampung saya misalnya, ikan semakin kurang membiak akibat penggunaan baja kimia dan racun yang tidak terkawal.

Kesimpulannya, peranan mata wang dalam kehidupan harian kita dan kesan inflasi ke atas kita akan menjadi semakin luas dan kejang. Naik turun kadar tukaran mata wang akan memberikan kesan terus dan langsung ke atas kehidupan kita. Hanya pengurusan mata wang yang cekap dan penjana ekonomi yang sihat akan membantu mengurangkan kesan negatif ini.

Wallahuaklam.



chr.no = 0000275625 E00218 / A13

Dewan Masyarakat -  
Bil 3 (Mac 2018)

Economics - Inflation.  
Pg 46-47.